

# 12 atlet UMS sedia hadapi cabaran pada Masum 2013

NST 13.5.2013 21

OLEH JOANES ROBERT JOHNNY  
joanes@newsabahtimes.com.my

**KOTA KINABALU:** Seramai 12 atlet kebanggaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersedia untuk menyahut cabaran ke Kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) 2013 di Universiti Malaya, bulan ini.

Kesemua mereka, Pang Tsun Kuo, Nitas Camillus, Hafifie Febryan, Eddy Sham Irlon, Louis Muslin, Mohd Azlan Abu Bakar, Kennedy Japari, Max Anzie Jetol, Emmy Ahkim, Felnidiah Lok Lassim, Merry Gabali, dan Asong Joseph menyatakan kesedaaan mereka bagi bersaing dalam kejohanan kali ini.

Walaupun sibuk dengan masa kuliah namun atlet-atlet ini masih dapat mengimbangkan kuliah dengan masa latihan seperti biasa demi mencapai prestasi terbaik mereka.

Semua atlet tersebut giat membuat persiapan

dengan mengadakan latihan bersungguh-sungguh demi mencapai matlamat dan sasaran yang telah ditetapkan dalam kejohanan tersebut.

Emmy Ahkim dilihat meletakkan sasaran untuk memperbaiki catatan masa terbaik peribadi ciptaan beliau iaitu 64.21 saat, dan seterusnya ingin mengekalkan pingat emas yang pernah disandangnya pada Masum 2012 di Universiti Teknologi Malaysia Skudai Johor bagi acara 400m lari berpagar. Emmy yang juga atlet harapan UMS untuk sekali lagi merangkul pingat emas bagi kejohanan kali ini turut berharap sokongan padu daripada semua pihak.

Sementara itu, pemegang rekod bagi acara 10000m jalan kaki lelaki, Nitas Camillus turut berhasrat untuk memperbaiki rekod yang dicatatnya sendiri iaitu 58.48 saat.

Sesungguhnya kesemua atlet yang bertanding pada Masum 2013 ini masing-masing menyimpan sasaran secara individu, tambahan lagi, atlet UMS

juga mempunyai dua orang atlet tahun pertama sains sukan yang juga atlet negeri Sabah iaitu Merry Gabali dan Max Anzie Jetol.

Merry merupakan pemegang pingat gangsa bagi acara lompat kijang dengan catatan 11.70 meter manakala Max pernah beraksi pada Sukma di Pahang pada bulan Julai tahun lalu dan merupakan pemegang pingat gangsa bagi acara merejam lembing dengan jarak 52.94 meter.

Justeru, keadaan itu semestinya menambahkan lagi keyakinan rakan-rakan seperjuangan mereka untuk mencapai prestasi yang lebih cemerlang.

Menariknya, kesemua mereka masing-masing mempunyai moto hidup tersendiri, antaranya, ‘tiada yang mustahil jika kita berusaha untuk mencapainya’ (Emmy Ahkim), ‘tidak mengenal erti berputus asa selagi mampu melakukannya (Merry Gabali) dan Max Anzie Jetol pula berpegang teguh kepada moto ‘kekuatan lahir pada keazaman diri sendiri’.



BARISAN atlet yang akan mewakili UMS.